

Atlet berbasikal bukit terima pengiktirafan

Julung kali diserap ke program kecemerlangan MSN

Oleh Aida Adilah Mat
aida_adilah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kejayaan melakar kejutan meraih pingat emas dalam acara basikal bukit di temasya Sukan Sea Hanoi Mei lalu membuka peluang buat atlet sukan itu disenaraikan dalam program Majlis Sukan Negara buat kali pertama.

Mereka membabitkan Nur Assyira Zainal Abidin, Natasya Soon, Ahmad Syazrin Awang Ilah, Zulfikri Zulkifli

yang kini akan mengikat kontrak bersama MSN sebagai atlet sepenuh masa.

Keputusan itu diambil selepas tamatnya Mesyuarat Jawatankuasa Kerja bersama MSN di sini dengan Naib Presiden 1 Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM), Firdaus Arshad turut memaklumkan bahawa barisan atlet berbasikal negara turut menerima pertambahan elau.

"Rentetan kecemerlangan atlet basikal bukit negara di Hanoi, MSN membuat langkah awal untuk program Road To Kemboja dan seterusnya Sukan Sea 2025 dengan sasaran yang

diletakkan di Sukan Sea Kemboja adalah tiga emas daripada sukan berbasikal.

"Ini kali pertama MSN membuka jalan untuk atlet basikal bukit berada di bawah program MSN.

"Jika tidak selama ini memang mereka tidak pernah berada di bawah program negara dan kali terakhir basikal bukit membawa pulang pingat adalah pada Sukan Sea Palembang 2011 menerusi Maziyyaton Radzi," katanya.

Keempat-empat atlet itu akan mengikat kontrak bermula Oktober sehingga Disember ini dengan lanjutan kontrak akan disambung se-

hingga Jun tahun depan.

Mereka bagaimanapun akan turut dinilai sepanjang tempoh tiga bulan ini dengan beberapa siri pertandingan antarabangsa dan tempatan.

Sementara itu, Firdaus turut memaklumkan kejayaan pelumba wanita negara, Nurul Izzah Izzati Mohd Asri meraih emas di Kejohanan Berbasikal Asia dalam acara 500 meter (m) ujian masa dan Nor Aisyah Munirah Chek Ramli yang meraih pingat perak di Sukan Sea membolehkan kedua-dua atlet di bawah program pelapis itu dinaikkan pangkat ke program podium.

